Universiti Teknologi MARA

# UiTM@Media 2016

# Jaringan Industri

UiTM@Media 2016

# Kerjasama JCorp, UiTM lahirkan usahawan berkualiti




**KAMARUZZAMAN ABU KASSIM (berdiri, dua dari kiri) menyaksikan Dr.Zaini Abdullah (duduk, dua dari kanan) dan Jamaluddin Md.Ali (duduk, dua dari kiri) menandatangani memorandum persefahaman di UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor, semalam.- UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**

**KUALA SELANGOR 8 Mac** - Johor Corporation (JCorp) terus memperkukuhkan komitmen untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera menerusi jalinan kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Presiden merangkap Ketua Eksekutifnya, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, menerusi kerjasama itu, pihaknya dan UiTM akan menerokai bidang penyelidikan berteraskan keusahawanan.

"Kita mahu kerjasama sebegini diteruskan dengan penggem-

BERSAMBUNG DI SEBELAH

blengan idea dan kepakaran serta pelaksanaan program khususnya keusahawanan yang akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi.

"Kerjasama melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) hari ini akan meneruskan usaha yang telah terjalin antara kedua-dua pihak sejak 12 tahun lalu menerusi program Siswa Bistari," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Menandatangani MoU antara JCorp dan UiTM di sini hari ini.

UiTM diwakili oleh Rektor Kampus Selangor, Prof. Dr. Zaini Abdullah, manakala JCorp, Naib Presiden Kanannya, Jamaluddin Md. Ali.

Kamaruzzaman menambah, kerjasama berkenaan akan diteruskan bagi melahirkan usahawan yang bukan sahaja berketrampilan malahan berkemahiran dan menjiwai aspirasi JCorp.

"Justeru, hasil pemeteraian MoU ini, kedua-dua pihak akan berkongsi bahan penyelidikan di samping melahirkan modal insan yang berkualiti," katanya.

UiTM@Media 2016

## Penasihat
Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

## Ketua Projek
Alfina Bakar

## Pengurus Produksi
Darus Kasim
Rosly Mahmud

## Penyelaras Bahan Akhbar
Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

## Pembantu Penyelaras Bahan Akhbar
Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

## Pereka Grafik Utama
Junaidy Talib

## Pereka Grafik
Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

## Sumber Keratan Akhbar
Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro, Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.